



## KENYATAAN AKHBAR JABATAN PERIKANAN MALAYSIA MENGENAI SISTEM IDENTIFIKASI AUTOMATIK (AIS)

1. Sistem Identifikasi Automatik (AIS) secara umumnya adalah sistem pengesanan automatik yang digunakan pada vesel bagi tujuan pengawalan pergerakan dan lalu lintas perveselan (*vessel traffic services – VTS*) melalui transmisi ke stesen AIS Base. Semasa pembentangan bajet 2015 yang lalu, YAB. Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM 27 juta bagi memasang *Automatic Identification System (AIS)* ini.
2. Sistem AIS memaparkan maklumat yang dapat dilihat adalah maklumat asas vesel, lokasi, trek perjalanan, kelajuan dan pelanggaran. Sistem *vmsTRACK - AIS* adalah sistem yang dibangunkan oleh Jabatan Perikanan bagi membolehkan pihak berkepentingan serta pemilik vesel memantau pergerakan vesel nelayan.
3. Pelaksanaan pemasangan alat AIS tersebut adalah dapat memberi manfaat kepada nelayan pukat tunda bagi menjaga keselamatan nelayan agar tidak tersasar ke luar Negara yang mendedahkan nelayan tersebut kepada penguatkuasa Negara asing. Tambahan pula, baru-baru ini hangat diperkatakan mengenai isu-isu vesel nelayan Malaysia yang ditangkap oleh penguatkuasaan Indonesia. Usaha untuk membawa pulang nelayan-nelayan tersebut adalah sangat sukar dan mengambil masa yang sangat panjang.
4. Disamping, nelayan dapat mengelak daripada tersasar melampaui sempadan serta trek perjalanan vesel tersebut dapat juga dijadikan asas bukti sekiranya berlaku kes tangkapan oleh penguatkuasa Negara asing. Namun dengan adanya alat AIS di atas vesel tersebut, nelayan dapat mengelak daripada tersasar melampaui sempadan serta trek perjalanan vesel tersebut dapat juga dijadikan asas bukti sekiranya berlaku kes tangkapan oleh penguatkuasa Negara asing.

5. Selain itu juga, kerajaan memandang serius isu ini kerana ianya melibatkan keselamatan dan nyawa nelayan serta turut memberi kesan terhadap keluarga nelayan tersebut. Alat AIS yang dipasang di atas vesel nelayan mempunyai "*distress button*" yang berfungsi di saat kecemasan mahupun ketika mengalami kemalangan di laut. Oleh yang demikian, bantuan SAR akan cepat tiba dan tindakan menyelamatkan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

6. Sistem AIS juga dapat dijadikan sebagai instrumen sokongan terhadap aktiviti ketidakpatuhan dan sebagai contoh bagi mengawal pencerobohan vesel pukat tunda terutamanya ke kawasan penangkapan ikan nelayan tradisi iaitu Zon A.

7. Melalui pelaksanaan sistem AIS ini, ia tidak langsung turut memberi kesan-kesan positif seperti sumber-sumber perikanan lebih terpelihara kerana kurangnya isu pencerobohan selain membantu mengawal ketirisan sumber perikanan terutamanya ke Negara-negara jiran, memperkasa mekanisma pemantauan, pengawalan dan pengawasan, kurangnya konflik di antara nelayan komersial dan tradisi dan dapat menyalurkan bantuan dengan pantas di saat nelayan berada di dalam kecemasan atau mengalami kemalangan di laut.

8. Pelaksanaan sistem AIS ini juga membuktikan kesungguhan kerajaan melalui Jabatan Perikanan Malaysia dalam membela golongan nelayan serta menunjukkan betapa seriusnya kerajaan apabila melibatkan aspek keselamatan nelayan di laut. Golongan nelayan merupakan salah satu nadi penting sebagai penggerak ekonomi negara terutama terhadap Jaminan bekalan makanan negara. Oleh yang demikian, pihak jabatan berharap pelaksanaan sistem AIS ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan nelayan khasnya pukat tunda.

**+ tamat +**